

Graduan digesa hayati makna sebenar integriti

DE 27.11.16 3

Cynthia D Baga

KOTA KINABALU: Graduan boleh menjadi pemimpin dengan syarat mereka mempunyai personaliti yang bersih dan tidak suka kepada ketidakjujuran dalam abad ke-21 ini.

“Matlamat kita bukan hanya untuk melahirkan graduan berkualiti tetapi juga untuk menghasilkan mereka yang boleh bersaing secara sihat, menjiwai nilai perpaduan, keikhlasan dan mereka yang boleh menjadi sumber perubahan,” kata Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahirudin.

“Dalam usaha untuk menghasilkan generasi seperti ini, anda perlu membina seseorang itu dengan watak yang bersih yang dapat membezakan antara tindakan positif dan negatif.

“Generasi muda perlu menghalang diri mereka daripada rasuah kerana ia boleh menghapuskan kebijaksanaan dan bercanggah dengan kebenaran,” kata Juhar.

Sehubungan itu Juhar, yang merupakan Canselor Universiti Malaysia Sabah, menasihati graduan agar menghayati makna sebenar integriti, kefahaman yang akan membina seseorang untuk kepentingan keluarga, masyarakat dan negara.

“Graduan yang mempunyai nilai-nilai moral akan menjadi modal insan yang mempunyai integriti dan pemimpin yang produktif di masa depan,” katanya semasa Konvokesyen UMS ke-18 di Dewan Canselor, di sini, Sabtu.

Juhar memberitahu graduan bahawa skrol yang mereka perolehi itu ialah tiket untuk mencapai impian dan kecemerlangan dalam hidup mereka.

Beliau berkata untuk memperoleh skrol ijazah tidak mudah kerana graduan akan berdepan banyak cabaran namun dengan usaha dan sokongan daripada ibu bapa mereka, mereka berjaya menangani cabaran yang kemudian menyumbang



SALAH seorang graduan menerima ijazah daripada Juhar.

kepada kejayaan mereka.

“Saya mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang menerima skrol mereka... dan juga ibu bapa di seluruh negeri kerana memberi sokongan kepada anak masing-masing untuk mendapatkan pengetahuan di peringkat tertinggi.

“Saya berdoa agar pengorbanan ibu bapa akan diberi ganjaran sewajarnya oleh Yang Maha Kuasa.”

Semasa program tersebut, Juhar juga menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Akuakultur) kepada Prof. Dr. Hitoshi Shiozaki, Presiden Kindai University di Jepun, sebagai pengiktirafan kepada perkhidmatan cemerlang beliau kepada negeri, negara dan universiti ini.

Di bawah pentadbiran Prof. Shiozaki, kerjasama berterusan di antara UMS dan Kindai University telah menyaksikan 100 pelatih UMS menjalankan Latihan Industri mereka di Jepun dan sembilan pelajar

UMS ditaja untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat PhD.

Juhar juga menganugerahkan Pesuruhjaya Polis Sabah, Dato' Abd. Rashid Harun Ijazah Kehormat Sarjana Sastera (Keselamatan dan Ketenteraman Awam).

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata kira-kira 5,207 graduan termasuk 126 graduan antarabangsa akan menerima skrol mereka dalam enam sesi bermula Sabtu hingga 28 November tahun ini.

Menurut Dr Mohd Harun, mereka akan menerima skrol mereka dalam pelbagai disiplin iaitu, Doktor Falsafah (50), Master (563), Ijazah Bachelor (4,530) dan Diploma (62).

Pada sesi kedua acara itu, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman yang merupakan Pro Canselor UMS, menganugerahkan ijazah kepada 1,003 graduan dari empat fakulti.